



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Satu kesalahan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 didapati semasa operasi
sepadu JPES dan Unit SDT di Bandar Seri Begawan**

1. Operasi sepadu Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) ke atas premis-premis perniagaan di kawasan Bandar Seri Begawan pada bulan Julai 2026 telah mendapati satu (1) kesalahan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.
2. Semasa operasi sepadu tersebut, penguatkuasa Unit SDT telah mendapati sebanyak tujuh (7) unit alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan jual beli. Dua (2) unit alat timbangan kepunyaan Syarikat Fairoddin Sdn Bhd gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Bab 3 (1) dan (2) iaitu menggunakan alat timbangan yang telah tamat tempoh pendaftaran penggunaan yang dibenarkan. Pihak syarikat juga telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan kedua-dua alat tersebut telah disita. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bertugas dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan. Pemilik alat yang telah hadir bagi membaharui Pencapan Tahunan dan Pendaftaran Baru, alat-alat berkenaan diserahkan kembali bagi tujuan aktiviti jual beli.
3. Sementara itu, JPES mendapati premis-premis perniagaan yang diperiksa menjual barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dipamerkan tanda harga dengan jelas serta betul, selaras dengan keperluan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
4. Operasi sepadu JPES dan Unit SDT yang dijalankan secara bulanan ini bertujuan bagi menggalakkan amalan perniagaan beretika dengan memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151. Amalan perniagaan beretika akan memperkukuh keyakinan pengguna dan menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan peniaga.

5. Peniaga diingatkan untuk sentiasa patuh terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan memastikan barangan dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul. Di samping itu, peniaga juga perlu sentiasa patuh terhadap Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 dengan memastikan alat-alat sukat dan timbang yang digunakan bagi aktiviti jual beli adalah berdaftar dengan Unit SDT.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
 - Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel: aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan
 - Unit Sukatan dan Timbangan melalui nombor di talian 233 4092 atau e-mel: sdt@mof.gov.bn.

#####

Disediakan oleh: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan: (38)JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Tarikh: 9 Rabiulakhir 1448 / 21 September 2026



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
BRUNEI DARUSSALAM

One violation under the Weights and Measures Act, Chapter 151 found during JPES and SDT joint operation in Bandar Seri Begawan

1. A recent joint operation conducted by the Department of Economic Planning and Statistics (JPES) through the Department of Consumer Affairs, in collaboration with the Weights and Measures Unit (SDT), at business premises in Bandar Seri Begawan in July 2026 found one (1) offence under the Weights and Measures Act, Chapter 151.
2. During the joint operation, the SDT Unit found seven (7) units of weighing machines used for trading purposes. Two (2) units owned by Syarikat Fairoldin Sdn Bhd were found to be in non-compliance with the Weights and Measures Act, Chapter 151 and the Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2), specifically for using weighing machines with expired registration periods. The company was issued a Seizure Notice and both of the weighing machines were confiscated. The company is required to report to the SDT Unit Office within seven (7) working days from the date the notice was issued. Owners of the weighing machines who have renewed the Annual Registration and completed New Registration may have the weighing machines returned for trading purposes.
3. Meanwhile, JPES found that the inspected business premises complied with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations, where price controlled items such as cooking oil and formulated powdered milk were sold at prices not exceeding the prescribed maximum prices, and prices were clearly and accurately displayed for items sold within the business premises.
4. The monthly joint operation by JPES and SDT Unit aim to uphold ethical business practices by ensuring compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations and the Weights and Measures Act, Chapter 151. Ethical business practices will strengthen consumer confidence and promote healthy competition among businesses.
5. Businesses are reminded to adhere to the Price Control Act, Chapter 142 by ensuring that price controlled items are not sold above the prescribed maximum prices and that prices are clearly and accurately displayed. In addition, businesses are required to comply with the Weights and Measures Act, Chapter 151 by ensuring that measuring and weighing machines used for trading activities are registered with the SDT Unit.

6. For any enquiries, members of the public may contact the following relevant agencies, with details as follows:

- Department of Consumer Affairs, JPES through Talian Darussalam 123 or email: consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
- Weights and Measures Unit through phone number 233 4092 or email: sdt@mof.gov.bn.

#####

Prepared by: Department of Economic Planning and Statistics

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference: (38)JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Date: 9 Rabiulakhir 1448 / 21 September 2026